

**SULIT****NO. SOALAN: 98****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[BATU]****TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)****RUJUKAN : 9948****SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar mengemaskini maklumat kad pengenalan (IC) kini hanya dilakukan dalam sistem dan tidak diperlukan untuk kad pengenalan ditukar sama sekali. Sejak bila kaedah pengemaskinian baru ini bermula.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Selaras dengan Peraturan 15[2](b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, pengemaskinian butiran alamat dalam cip Kad Pengenalan telah dilaksanakan sejak MyKad diperkenalkan pada tahun 2000. Perekodan butiran alamat baharu dalam cip tidak memerlukan gantian Kad Pengenalan dan pemohon akan diberikan kertas "Cetakan Kandungan Cip" yang boleh digunakan bagi urusan rasmi.**